



Yayasan Waqaf Malaysia (PPAB-02/2008)

YAYASAN WAQAF MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

1. Jawatan : **PEMBANTU TADBIR (GRED N19)**
2. Penempatan : Bahagian Pengurusan
3. Bilangan kekosongan : Satu
4. Taraf Jawatan : Kontrak
5. Gaji Ditawarkan :
 - Gaji Pokok : RM1,592.00
 - Elaun Tetap Perumahan: RM300.00
 - Elaun Sara Hidup : RM350.00
 - Elaun ITKA : RM160.00
6. Syarat Lantikan :
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan

- Boleh menggunakan Sistem Perakaunan SQL adalah satu kelebihan.

7. Diskripsi tugas :
- Membantu menyelaras penstrukturan semula organisasi;
 - Membantu mengurus pelantikan dan pengesahan jawatan;
 - Membantu mengurus penanggungungan kerja, pemangkuan kerja dan kenaikan pangkat;
 - Membantu mengurus bayaran emolumen dan penyelarasan gaji;
 - Membantu merancang dan melaksanakan program latihan pembangunan kakitangan;
 - Membantu melaksanakan urusan tatatertib;
 - Membantu mengemaskini Terma dan Syarat Perkhidmatan YWM; dan
 - Membantu dalam urusan perolehan; dan
 - Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar resume yang lengkap dengan gambar dan salinan dokumen-dokumen yang disahkan oleh Pegawai yang berkeelayakan. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat.
- b) Permohonan hendaklah disampaikan kepada:
Bahagian Pengurusan
Yayasan Waqaf Malaysia
Aras 8, Blok D
Kompleks Islam Putrajaya
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3
62100 Putrajaya.
- c) Tarikh tutup iklan ialah pada **23 Disember 2024 (Isnin)**.

CATATAN AM

- a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.

PENAFIAN

Iklan jawatan kosong ini semata-mata untuk tujuan pelawaan sahaja dan tidak membentuk sebarang komitmen yang mengikat dengan mana-mana pihak. YWM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kekeliruan mengenai maksud iklan jawatan kosong ini. Keputusan pengambilan pekerjaan adalah sepenuhnya bergantung kepada Pengurusan YWM.